

Cabaran Pengurusan Zakat di Selatan Thailand

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 162-176
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Shofian Ahmad¹ & Faosi Kado¹

Abstrak

Pengurusan zakat di Selatan Thailand tidak dilaksanakan secara terpusat di bawah kawalan dan penyelarasan pihak berkuasa agama Islam disana. Sebaliknya ia diurus oleh pebagai institusi serta individu tertentu secara suka rela. Sedangkan menurut jumhur, urusan zakat terletak di bawah tanggung jawab langsung kerajaan atau pihak berkuasa agama yang dilantik kerajaan dalam sebuah negara. Justeru artikel ini bertujuan untuk menjelaskan bentuk-bentuk pengurusan semasa harta zakat yang dilakukan di selatan Thailand pada masa kini serta cabaran-cabaran yang hadapi oleh pihak majlis agama untuk memusat dan menyelaraskan pengurusan zakat umat Islam disana. Kaedah analisis kandungan daripada sumber-sumber perundangan Thailand serta temubual digunakan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Artikel ini menyimpulkan dapatan bahawa satu perundangan yang khusus dan jelas berkaitan pengurusan zakat yang berpusat diselatan Thailand perlu diwujudkan. Pihak majlis agama Islam wilayah-wilayah selatan perlu lebih agresif untuk mendesak dan menggubal perundangan berkaitan. Artikel ini membantu mendedahkan beberapa cabaran utama yang perlu tangani oleh pihak kerajaan serta majlis agama Islam wilayah-wilayah kearah merealisasikan matlamat tersebut. Kejayaan mewujudkan pengurusan zakat yang terpusat dapat memberikan kebaikan dan keadilan dalam pengurusan harta zakat umat Islam disana, sekaligus dapat meningkatkan syiar Islam di bumi selatan Thailand.

Kata Kunci

Zakat, Pengurusan Zakat Berpusat, Selatan Thailand

Cite This Article:

Shofian Ahmad¹ & Faosi Kado. 2019. Cabaran pengurusan zakat di Selatan Thailand. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 162-176.

Pengenalan

Zakat merupakan suatu kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada kaum muslimin. Kewajipan membayar zakat ke atas setiap individu muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu telah bermula sejak awal penyariatan Islam kerana zakat merupakan sumber utama dalam memastikan keseimbangan sosio ekonomi ummah (Ibn al-‘Arabī, t.th.: 574-577). Adalah menjadi suatu kewajipan ke atas pemerintah untuk mengurus, memungut dan mengagihkan zakat (al-Qaraḍāwī, 2006: 758; Wahairi Mahmud, 2001: 1, 2, 20; Nasrudin Rozak, 1985: 197; Iqbal, 2012: 19; Khalifah Muhamad Ali et.al, 2017: 5-6; Shofian Ahmad et.al., 2000: 9; Ram al-Jaffri Saad, 2009: 607-630; Muhammad Maulana, 2009: 8). Dalil yang menunjukkan tugas mengutip zakat adalah di bawah tanggungjawab pemerintah ialah sebagaimana firman Allah

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Shofian Ahmad, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor MALAYSIA,
E-mail: shofian@ukm.edu.my

s.w.t dalam surah al-Tawbah ayat 60 yang bermaksud: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdeka dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datang) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui, lagi amat bijaksana”.

Menurut al-Tabari (1995) dan Ibn Kathir (1995) ayat tersebut menjelaskan, di antara lapan golongan asnaf tersebut, terdapat satu golongan yang bertugas dalam pengurusan zakat yang disebut sebagai petugas-petugas zakat (*al-‘amilīn*). Golongan ini diangkat dan diberi tugas oleh pemerintah untuk mengumpulkan zakat dan mengagihkan kepada golongan-golongan tertentu. Golongan ini juga berhak mendapatkan agihan zakat sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dalam ayat tersebut.

Imam al-Qurṭubī (1993) menjelaskan *al-‘amilīn* dalam ayat tersebut adalah mereka yang ditugaskan oleh pemerintah untuk mengambil, mencatat, mengira dan mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf tertentu. Di samping itu mereka juga berhak menerima pembahagian zakat. (Al-Qurṭubī, 1993: 112-113).

Amil dikategorikan sebagai salah satu asnaf dalam agihan zakat. Pada masa yang sama mereka juga turut mengurus kutipan harta zakat. Ia merupakan suatu pengiktirafan terhadap peranan dan profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas-tugas pengurusan harta zakat. Justeru bagi mengelak daripada perkara-perkara yang boleh menghakiskan nilai profesionalisme tersebut seperti salah guna kuasa atau tidak bermotivasi dalam pengurusan zakat, Islam telah memperuntukkan kepada mereka sebahagian hak tertentu daripada harta zakat yang mereka uruskan (Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, t.th.: 331-332; al-Zuḥaylī, 1998: 268; Didin Hafidhudin. 2002: 9.). Menurut al-Māwardī, amil menjalankan tugas iaitu mengutip dan mengagihkan zakat. Allah s.w.t memuliakan para amil dengan tugas-tugas ini sehingga melayakkan mereka menerima habuan zakat (al-Māwardī. 1980: 157.)

Imam al-Rāzī turut menegaskan bahawa kutipan dan agihan zakat adalah tugas pemerintah (al-Rāzī, 2002: 138-146.) beliau berhujah dengan firman Allah s.w.t: dalam surah al-Tawbah ayat 103 yang bermaksud: “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah), Allah amat mendengar, lagi amat mengetahui”.

Menurut al-Razi, perkataan ‘ambillah’ dalam ayat ini merupakan kata perintah yang ditujukan kepada pihak berkuasa supaya mengutip sedekah (zakat) daripada orang-orang yang layak. Perkara ini juga dijelaskan oleh nabi Muhammad s.a.w ketika mengutus Mu‘ādh bin Jabal ke Yaman sebagai gabenor negara di sana dan baginda berpesan kepadanya berkaitan zakat supaya memberitahukan kepada penduduk disana tentang kewajipan zakat yang dipungut daripada orang-orang kaya dan diagihkan kepada orang-orang miskin dari kalangan mereka. Baginda juga turut berpesan kepada Mu‘adh supaya berhati-hati dalam pungutan dan agihan zakat agar tidak berlaku penganiayaan kepada mana-mana pihak. Pesanan-pesanan ini dilakukan oleh baginda s.a.w atas kapasitasnya sebagai ketua negara Islam Madinah ketika itu kepada pegawai-pegawainya. Justeru jelas bahawa pengurusan zakat yang merangkumi

kutipan, catatan, agihan dan sebagainya adalah di bawah tanggung jawab pemerintah dalam sesebuah negara. Ia bukanlah urusan individu atau mana-mana pihak yang tidak berkaitan kerajaan sehingga urusan zakat yang cukup penting dan menjadi rukun dalam Islam menjadi tidak selaras atau tidak efektif seterusnya membawa kepada kecelaruan pengurusan. Kesan akhirnya hanya akan merugikan umat Islam. Justeru Islam membenarkan pemerintah untuk mengambil harta zakat secara paksa jika seseorang yang layak itu enggan menunaikan zakatnya (al-Qaraḍāwī, 2006: 758; Wahairi bin Mahmud, 2001: 1, 2, 20; Nasrudin Rozak, 1985: 197; Iqbal, 2012: 19; Mohamad Uda Kasim, 2005: 220-241; Ibn Qudāmah, 1994: 403; al-Nawawī, 1995: 138).

Walau bagaimanapun, terdapat perbincangan dalam kalangan fuqaha' adakah zakat boleh diagihkan secara langsung oleh muzakki kepada asnaf? Sesetengah fuqaha berpendapat hukum mengagihkan sendiri zakat tanpa melalui pemerintah adalah diharuskan dan sah sekiranya ia diagihkan kepada asnaf yang layak dan memenuhi syarat-syaratnya (M. Abdurrahman, 2006: 113; Hairunnizam Wahid, 2009: 91). Namun Jumhur ulama berpendapat bahawa zakat perlu ditunaikan kepada pemerintah untuk mengelak salah urus dalam kutipan dan agihan (Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd b. Aḥmad al-'Aynī, t.th., 164).

Pengurusan Zakat di Selatan Thailand

Tidak terdapat suatu catatan yang jelas tentang sejarah pengurusan zakat di Selatan Thailand (Den Tomina 1985:22; Suriyak Sankikwa, Abd. Allah Uma. 2007: 60). Menurut Ahmad Omar Chapakia (2000:34) Pada tahun sekitar 1970-an, ramai lulusan agama yang pulang dari negara Timur Tengah membawa bersama dengan ilmu dan pengalaman yang mereka peroleh. Sehingga pada awal 1980-an, muncullah beberapa institusi Islam yang berperanan aktif dalam melaksanakan misi kutipan dan agihan zakat di Selatan Thailand.

Secara umumnya pengurusan zakat di Selatan Thailand pada masa kini, dilakukan atas inisiatif masing-masing oleh institusi-institusi Islam sama ada institusi yang rasmi milik kerajaan dan juga NGO-NGO Islam yang lain seperti institusi dakwah dan pendidikan, institusi kewangan Islam, institusi penyiaran dan beberapa institusi masyarakat yang lain (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 280; Mahama Tayuding Samah, 2002: 40, 93; Surin Pitsuan. 1984; Payurasakdik Chelainadechak, 1996: 295; Narong Siri Pacana, 1975: 44; Somboon Putajuk, 1986: 4-7; Kalid Sanik, 2007: 20). Kebiasaannya para petani atau para *muzakki* lain yang ingin menunaikan kewajipan zakat, akan mencari tok-tok guru pondok, para guru agama atau imam-imam di kampung sebagai wakil untuk menerima dan menguruskan pengagihan zakat tersebut kepada golongan yang berhak di kawasan mereka. Sesetengah mereka yang lain pula akan mencari institusi-institusi Islam seperti Majlis Agama Islam atau bank-bank Islam atau lain-lain NGO Islam untuk menunaikan kewajipan zakat mereka (Abdulsuko Dina, 2014:75). Justeru pengurusan zakat yang sedang berlaku di Selatan Thailand pada masa kini adalah berbentuk tidak formal dan tidak terpusat di bawah satu kawalan pihak yang berautoriti (Asisah Saesahet, 2009: 3-4).

Institusi yang Terlibat dalam Pengurusan Zakat di Selatan Thailand

Walaupun negara Thailand bukanlah sebuah negara Islam ataupun negara majoriti Islam, namun kerajaan Thailand memberikan kebebasan kepada penganut setiap agama termasuk agama Islam untuk mempraktik amalan dan tuntutan agama mereka secara harmoni dalam masyarakat. Kerajaan Thailand telah pun memperuntukkan hal ehwal yang berkaitan dengan perkara keagamaan iaitu memberi hak kebebasan dalam menganut dan mengamalkan agama masing-masing selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan negara. Dalam Undang-undang Perlembagaan Thailand menyatakan bahawa Seksyen 38 (1), Akta Perlembagaan Negara Thailand, B.E. 2540 (1997): “Setiap warga Negara bebas menganut dan mengamalkan kebudayaan agamanya serta mengikut kepercayaan masing-masing. Dalam mengamalkan kebebasan tersebut, setiap warga negara tetap dijaga dari sebarang ancaman, perilaku kerajaan yang menyentuh hak, kemaslahatan mengikut agama yang dipercayai oleh mereka.”

Ekoran daripada itu, maka wujudlah institusi-institusi Islam tertentu di Selatan Thailand yang menjalankan peranan dalam memungut dan mengagihkan zakat. Mereka terdiri daripada institusi rasmi dibawah kerajaan, badan dakwah, badan kebajikan masyarakat dan beberapa institusi lain-lain (Ahmad Omar Chapakia. 2000: 280). Para fuqaha sepakat bahawa umat Islam harus menunaikan zakat walaupun kepada pemerintah yang bukan Islam dengan syarat pemerintah tersebut tidak zalim atau tidak menyeleweng dalam pengurusan harta zakat (Khalifah Muhamad Ali et.al 2017: 8)

Sebagai contoh, diantara badan rasmi di bawah kerajaan seperti Majlis Agama Islam Pusat Thailand. Institusi ini yang diketuai oleh Shaykhul Islam atau dikenali dengan nama *Chula Rajamontri* berperanan merangka dan mengawal kegiatan-kegiatan Islam di peringkat kebangsaan (Ibrahim Taye. 2012: 25). Selain itu, Majlis Agama Islam Wilayah-wilayah atau *Khanak Kamakan Islam Perakcam Cangwad* juga diberi kebenaran oleh pemerintah Thailand untuk menguruskan hal ehwal agama dalam wilayah masing-masing (Ramli Tuktanyung. 2006: 71; Payurasakdik Chelainadechak. 1996: 295; Narong Siri Pacana. 1975: 44; Somboon Putajuk. 1986: 1).

Selain daripada institusi-institusi tersebut, pihak masjid-masjid juga telah menubuhkan pusat untuk mengendalikan hal ehwal keagamaan Islam, termasuklah pelaksanaan zakat dalam kalangan masyarakat setempat (Ismail Ali. t.th.: 4-7). Ini kerana masjid merupakan sebuah institusi yang berkomunikasi secara langsung dengan masyarakat Islam setempat melalui aktiviti-aktiviti dakwah dan kebajikan yang di anjurkannya (Mahamatayudin Samah. 2002: 40; Ahmad Omar Chapakia. 2000: 289).

Manakala institusi NGO lain yang turut serta terlibat dalam menguruskan kutipan serta agihan harta zakat di Selatan Thailand bolehlah di kelompokkan seperti berikut:

Institusi Pendidikan Islam

Maksud institusi pendidikan di sini adalah institusi milik rakyat atau swasta yang objektif utamanya adalah menyampaikan ilmu pengetahuan agama kepada masyarakat secara percuma. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu institusi pengajian secara formal seperti Sekolah Agama

Islam Rakyat dan Ma'had Tahfiz al-Qur'an, dan institusi pengajian secara tidak formal seperti pengajian fardu ain dan juga pengajian umum untuk masyarakat awam atau lebih dikenali dengan sistem pondok (Muhammad bin Hj. Abu Bakr. 2005:7; Kader Sa-Ah @ Abdulkadir Ahmad. 2010: 92; al-Hasan Lahbabi et.al 2018: 25). Institusi-institusi ini di samping merupakan pusat penyebaran agama Islam di selatan Thailand (Abduraman Samak Ali. 2008: 63; Ahmad Omar Chapakia. 2000: 27) ia juga berfungsi sebagai pusat kemasyarakatan yang membantu dan membimbing masyarakat dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka (Mohd. Zamberi A. Malik. 1994: 97). Institusi seperti ini membawa pengaruh baik dalam masyarakat setempat dengan membentuk pola berfikir agama yang betul serta perilaku masyarakat dalam aspek kehidupan mereka. Tok guru atau dikenali juga sebagai Baba merupakan seorang malim yang mendapat penghormatan tinggi daripada penduduk setempat, dengan kedudukan serta peranannya dalam hal-hal berkaitan agama Islam (Abdul Latif Hamidong. 1987: 261-268).

Institusi pendidikan yang formal dan tidak formal ini mendapat bantuan langsung daripada dana zakat yang disumbangkan oleh masyarakat Islam setempat serta institusi luar negara. Memandangkan guru-guru di institusi pengajian Islam di Selatan dianggap seorang yang dihormati kedudukannya serta lebih tahu tentang hukum hakam agama, seperti hukum hakam zakat, maka mereka bertindak sebagai tempat rujukan masyarakat untuk urusan zakat seperti mentaksir jumlah zakat yang wajib dikeluarkan dan mengenal pasti asnaf yang layak diagihkan. Mereka juga kadang kala menerima pembayaran zakat bagi diri sendiri atau sebagai wakil pihak lain, seperti wakil kepada para pelajar yang fakir dan miskin, untuk membiayai keperluan pengajian mereka. (Muhamatsakree Manyunu, 2008: 17; Ismail Hamid, 1985: 44; Ismail bin Omar, 8/4/2018)

Institusi Penyiaran Islam

Institusi penyiaran Islam adalah salah satu dari badan Islam yang ditubuhkan oleh pihak swasta yang turut berperanan dalam menguruskan zakat. contohnya seperti TV Muslim, TM TV, TV Muslim Yateem, TV Muslim Thai, TV Muslim White Channel, TV Muslim, International Broadcasting Television dan sebagainya. Secara idealnya, institusi penyiaran Islam diwujudkan untuk merealisasikan pengendalian stesen siaran secara percuma kepada seluruh negara dengan menerbitkan pelbagai variasi rancangan televisyen (Sumber dokumen, Whitechannel, Institusi Penyiaran Islam Thai).

Susulan daripada itu, institusi penyiaran Islam ini mendapat sokongan dan bantuan daripada masyarakat Islam. Ini kerana institusi tersebut berfungsi sebagai salah satu saluran dakwah Islam. Justeru ia dibantu oleh masyarakat melalui sumbangan zakat, infaq dan sedekah. Oleh itu peranan institusi tersebut bukan sahaja menyajikan rancangan televisyen Islami, tetapi juga berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan zakat. Biasanya sumbangan zakat daripada orang ramai diagihkan kepada pelajar yang fakir dan miskin untuk membiayai keperluan pengajian (Muhammad Fauzi Yena: 26/06/2019).

Pihak institusi penyiaran mempunyai kepakaran mereka sendiri untuk pengiraan dan penaksiran jumlah zakat. Mereka aktif dalam memberi penerangan dan konsultasi kepada pembayar zakat melalui program-program dakwah yang diadakan bersama masyarakat dan kakitangan sektor awam serta swasta di selatan Thailand. Maklumat tentang kutipan zakat juga disampaikan dalam medium lain seperti khutbah Jumaat serta penganjuran seminar berkaitan

zakat. Dalam hal ini usaha pihak institusi penyiaran Islam selatan Thailand dilihat cukup agresif dalam menguruskan kutipan dana dan agihan zakat. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak institusi penyiaran termasuk membuka kaunter-kaunter sementara bagi perkhidmatan zakat di kawasan-kawasan di mana berlangsungnya karnival penyiaran (Ridha Muhalaman Shomadi, Siddiq Muhammad Said et.al, 2019). Selain itu pembayaran zakat juga boleh dilakukan oleh masyarakat melalui akaun zakat yang disediakan oleh pihak institusi penyiaran. Selain itu kaunter pelbagai ejen dan portal internet boleh digunakan oleh muzakki dalam melaksanakan kewajipan berzakat mereka (Khaled Puthong, Amin Hemsem et.al.2019).

Bank Islam Thailand (BIT)

Bank Islam Thailand (BIT) merupakan sebuah institusi kewangan yang menjalankan perniagaan kewangan berlandaskan prinsip-prinsip muamalat Islam (Kokiat Wongsari, 2002: 50-64). Bagi sesuatu jenis perniagaan, Islam menetapkan kadar zakat yang wajib dikeluarkan iaitu 2.5 peratus daripada keuntungannya. Selain menawarkan produk-produk kewangan Islam seperti deposit *al-Wadiah*, *al-Mudarabah*, *al-Murabahah*, *Bay' Bithaman Ajil*, *Bay' al-Inah*, *al-Ijarah*, BIT juga turut memperkenalkan kemudahan tambahan iaitu pembayaran zakat daripada akaun simpanan dan akaun pelaburan pelanggan (Kanjana Boonchom, 2014: 26). Dengan ciri ini juga pelanggan mewakili BIT bagi tujuan mengurus pembayaran zakat ke atas jumlah simpanan dan pelaburan mereka. Perkhidmatan ini adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang caj. Cara pengiraan kadar zakat pula, adalah berdasarkan jumlah baki simpanan dan pelaburan terkumpul yang berakhir 31 Oktober setiap tahun (Fay Syariah, 2011, Rabobkan Damnenngan Thurakit Thanakhan Tamlak Syariah, Perbankan Islam Negara Thailand).

Dengan itu kewajipan berzakat terhadap pendeposit di BIT telah pun ditunai oleh pihak bank. Majlis Pengawas Syariah BIT juga telah mewajibkan kepada pihak bank untuk menaksir dan mengeluarkan zakat daripada para pendeposit berdasarkan jumlah simpanan mereka yang telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat (Banhcong Binkasan, 2004, Arun Boonchom, 2010; Kanjana Boonchom, 2014: 26). Dana-dana zakat yang terkumpul di BIT tersebut kemudiannya diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak menerimanya menurut pertimbangan BIT. Kebiasaannya asnaf-asnaf tersebut terdiri daripada para pelajar yang fakir atau miskin. Dengan bantuan seumpama ini, ia dapat meringankan beban golongan pelajar di samping menyuntik semangat mereka agar mereka untuk menimba ilmu dan mengubah taraf kehidupan diri dan keluarga ke arah yang lebih baik pada masa hadapan. Selain itu, BIT juga menyerahkan sejumlah sumbangan dana zakatnya kepada Majlis Agama Islam, Badan-badan Bukan Kerajaan termasuklah masjid-masjid, surau-surau, sekolah agama persendirian, rumah-rumah anak yatim dan sebagainya (Wanwadi Fulfuksin, 2014; Islamic Bank of Thailand, Annual Report 20018; Salina Kubaha: 11/4/2019).

Daripada penjelasan di atas memperlihatkan bahawa pengurusan zakat di selatan Thailand masih lagi dalam keadaan yang tidak terpusat. Masing-masing institusi mengambil tanggungjawab untuk menerima dan mengagih kutipan zakat tanpa terdapat pemantauan dan penyelarasan di peringkat kerajaan atau institusi yang diberi autoriti oleh kerajaan dalam urusan berkaitan agama Islam. Bahkan tidak terdapat juga suatu garis panduan yang standard ditetapkan kepada institusi-institusi tersebut untuk diikuti. Justeru panduan mereka hanyalah

berdasarkan kepada hukum-hakam fiqh yang mempunyai pelbagai pandangan dan mazhab yang berbeza berkaitan zakat.

Hal ini menimbulkan keadaan tidak seragam dalam pungutan dan agihan zakat. Masing-masing pihak bertindak atas kefahaman dan kebiasaan mereka dalam mengurus dana zakat. Di samping itu ketidakpusatan dan ketidakseragaman dalam pengurusan zakat di Selatan Thailand ini juga boleh mendedahkan institusi berkenaan terhadap salah laku dalam pengiraan dan pengagihan harta zakat. Contohnya dalam penetapan dan pengiraan had kifayah iaitu had kekayaan yang menegah seseorang daripada layak menerima zakat. Had kifayah dengan kata lain adalah satu kadar paling asas untuk melepaskan seseorang daripada kemiskinan dan kesusahan. Menurut Zulfakar Mamat et.al (2018: 109), isu had kifayah sendiri tidak disepakati oleh ulama bagaimana untuk menentukan kadar dan pengiraannya. Justeru membiarkan kadar had kifayah ditentukan oleh mana-mana pihak, tanpa wujudnya satu mekanisme pengawasan yang standard dan berpusat boleh mendedahkan pengurusan zakat kepada masalah. Tambahan pula majoriti fukaha telah menetapkan bahawa urusan zakat perlulah dipusatkan dan diselaraskan oleh pihak kerajaan. Dengan kata lain, bermaksud kutipan dan agihan zakat mestilah dilakukan melalui pihak kerajaan atau institusi tertentu yang diberi kuasa oleh kerajaan untuk mengurus hal ehwal zakat seperti Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah.

Justeru pengurusan zakat di Thailand amat memerlukan kepada satu bentuk pengurusan yang berpusat, khusus di kawasan selatan yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Zakat yang merupakan suatu ibadah harta yang mempunyai matlamat besar merangkumi aspek pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan, akidah dan sebagainya. Oleh itu, ia perlulah diuruskan dengan cekap dan bersistematik bagi memenuhi agenda besar tersebut iaitu dengan mewujudkan satu pengurusan yang berpusat dan sistematik (Mahamatayuding Samah, 2002: 106). Kerana bentuk pengurusan yang berpusat ini akan dapat menghasilkan kebaikan – kebaikan tertentu seperti (Ramli Tuktanyung, 2006: 104; Tarmisi Saleek et.al. 2013: 87):

1. Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan zakat akan jauh lebih tinggi dan terjamin jika ia dilaksanakan oleh Amil yang dilantik oleh pihak pemerintah berbanding agihan yang dibuat sendiri oleh pembayar zakat atau melalui saluran yang tidak rasmi.
2. Sekiranya kewajipan menunaikan zakat diserahkan semata-mata hanya kepada kesedaran individu, sudah pasti hak dan kesejahteraan golongan asnaf penerima zakat tidak terjamin. Sebaliknya, hak asnaf zakat akan lebih terjamin apabila zakat diuruskan oleh pusat zakat yang dilantik pemerintah. Dengan kuasa yang ada termasuk melalui peruntukan perundangan serta pengurusan Amil yang cekap dan tegas, para muzakki akan lebih berdisiplin dan tidak akan terlepas daripada menunaikan kewajipan berzakat mereka.
3. Amil yang dilantik bertanggungjawab memberikan bantuan bukan sahaja kepada mereka yang meminta (membuat permohonan) tetapi juga perlu pro-aktif mencari dan menyiasat khususnya golongan fakir dan miskin yang tidak meminta (mungkin kerana malu, rendah diri atau tidak terdedah kepada maklumat), seterusnya mengagihkan wang zakat kepada mereka yang berhak. Tanggungjawab seperti ini tidak akan dapat dilakukan secara perseorangan.
4. Pengurusan yang berpusat oleh pemerintah adalah lebih teratur dan sistematik, berbanding pengagihan zakat yang dilakukan sendiri oleh para muzakki secara

perseorangan. Dengan tenaga kerja yang mencukupi dan berpengalaman, serta gabungan dari pelbagai bidang kemahiran, pengurusan zakat lebih berupaya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengumpulan, pengawalan serta pengagihan wang zakat dengan lebih teratur, menyeluruh dan berkesan.

5. Salah satu manfaat terbesar diperolehi jika zakat dibayar kepada Institusi yang berpusat ialah keupayaan mengumpulkan dana zakat yang besar secara berpusat. Dengan ini, usaha-usaha membangun umat Islam khususnya pembasmian kemiskinan akan dapat dilakukan secara lebih terancang, menyeluruh dan berkesan.

Usaha membasmi kemiskinan telah menjadi teras pembangunan kerajaan dan negara Thailand pada masa kini (Monssimon Bauwafa, 2018:1-2.). Masalah kemiskinan akan terus menjadi isu dan persoalan penting bagi dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan sosial. Berdasarkan data dan informasi kemiskinan tahun 2019 oleh Jabatan Pembangunan SosioEkonomi Kebangsaan Thailand, menunjukkan bilangan dan peratus penduduk miskin tertumpu disemua wilayah di Selatan Thailand (Sumber: Samnakngan Kanpatana Sangkom Lae Setekij Haeng Chat 2019).

Faktor Penyebab Pengurusan Tidak Berpusat di Selatan Thailand

Ghazali Benmat (2012) menjelaskan diantara faktor utama penyebab institusi yang terlibat dalam pengurusan zakat di Selatan Thailand tidak berpusat adalah kerana ketiadaan perundangan tertentu yang jelas dan boleh dikuatkuasakan kepada institusi-institusi pengurus zakat yang pelbagai di Selatan Thailand pada masa kini. Di samping itu faktor kesedaran masyarakat tentang keperluan pengurusan zakat yang berpusat juga adalah amat rendah. Mereka menunaikan zakat kepada institusi yang mereka percayainya serta mudah untuk dilakukan.

Secara umumnya faktor-faktor yang menyebabkan pengurusan zakat yang tidak berpusat di selatan Thailand boleh difahami seperti berikut:

Faktor Tadbir Urus Organisasi Zakat

Ketidajelasan bidang kuasa badan yang menguruskan zakat. Walaupun Majlis Agama Islam Wilayah dan Institusi Masjid sekalipun merupakan badan yang sah dilantik oleh kerajaan sebagai organisasi yang menguruskan hal-ehwal agama Islam, namun masih tidak terdapat suatu institusi formal yang berperanan menguruskan hal-ehwal zakat umat Islam. Perundangan Islam Thailand masih belum mempunyai peruntukan berkaitan dengan pengurusan zakat. Sebaliknya ia boleh diuruskan oleh institusi swasta, masyarakat mahupun individu dengan tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada pemerintah (Mahamatayuding Samah, 2002: 106; Ramli Tuktanyung, 2006: 104; Tarmisi Saleek et.al. 2013: 87).

Walaupun telah wujud Akta Pentadbiran Organisasi Islam di Selatan Thailand, atau dikenali sebagai "*Peraj Banyat Kan Borihan Ongkon Islam*" namun Akta ini tidak memperincikan kewajipan hukum-hakam agama Islam yang tertentu, khususnya pengurusan

zakat. Akta ini juga tidak mempunyai kuasa yang jelas kepada institusi pengurus zakat untuk menjalankan tugas mereka di samping menguatkuasakan hukuman ke atas umat Islam tidak menunaikan zakat secara formal. Akta ini lebih kepada menjelaskan fungsi Majlis Agama Islam sebagai badan penasihat dalam urusan-urusan berkaitan agama Islam di Thailand sahaja (Mahamatayuding Samahah, 2002: 39). Justeru peranan yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam dalam sistem pungutan dan agihan zakat ini agak terbatas dalam soal memberi maklumat, penerangan, kefahaman berkaitan dengan hukum, kadar dan jenis-jenis zakat yang tertentu sahaja. Setakat ini, Majlis Agama Islam tidak berupaya untuk menguatkuasakan sesuatu peraturan berkaitan pungutan dan agihan zakat yang boleh membawa kebaikan kepada masyarakat Islam di Thailand, khususnya di kawasan selatan majoriti umat Islam (Ramli Tuktanyung, 2006: 104; Tarmisi Saleek et.al. 2013: 87).

Justeru sudah tiba masanya untuk Majlis Agama Islam menyemak semula "*Peraj Banyat Kan Borihan Ongkon Islam*" sedia ada untuk mewujudkan satu akta yang baharu bagi menguruskan kutipan serta agihan zakat masyarakat Islam di Thailand secara terpusat di bawah pemantauan kerajaan. Peruntukan sedia ada dalam *Peraj Banyat Kan Borihan Ongkon Islam* lebih mengkhususkan tentang hal ehwal kekeluargaan, warisan dan pelantikan ahli jawatankuasa agama Islam. Kedudukan zakat yang tidak jelas dalam akta *Peraj Banyat Kan Borihan Ongkon Islam* ini menjadi antara punca utama kenapa pengurusan zakat tidak berpusat di Thailand (Abdulroya Benseng, 2017: 287-288).

Dalam hal ini Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand selaku pihak yang diamanahkan oleh kerajaan Thailand untuk menguruskan hal ehwal orang Islam, sepatutnya menyedari bahawa urusan zakat merupakan tanggungjawab mereka. Bahkan mereka sepatutnya mempunyai kuasa untuk mendakwa mana-mana pihak yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis. Misalnya, kesalahan memungut dan mengagihkan zakat tanpa kebenaran, mencerooboh harta zakat dan sebagainya. Ini termasuk dalam bidang kuasa hisbah pada sesebuah organisasi bagi memastikan aspek tadbir urus dan peraturan berkaitan dipatuhi sepenuhnya (Abdul Qahhar Ibrahim et. 2018: 18). Menurut Abdul Qahhar et.al (2018) konsep hisbah yang sentiasa menekankan *amr makruf* dan *nahy munkar* merupakan mekanisme yang praktikal yang dapat memantapkan pengurusan sesebuah institusi melalui pemantauan yang berterusan.

Justeru keperluan kepada perundangan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan zakat amat penting pada masa kini bagi memantapkan pengurusan institusi zakat. Kewujudan Akta atau Peraturan Zakat akan membantu peningkatan kutipan zakat dengan menguatkuasakan kewajipan membayar zakat ke atas umat Islam yang layak, melindungi hak pembayaran zakat, pengagihan zakat yang telus dan sebagainya.

Faktor Pengurusan dan Pentadbiran Zakat

Kegagalan mewujudkan pengurusan dan pentadbiran zakat yang berpusat rasmi di Selatan Thailand ini adalah kerana ia masih lagi dibelenggu dengan pengurusan dan pentadbiran. Antaranya seperti pada Seksyen 18 (9) (10) (11), Seksyen 26 (13), Seksyen 35 (2).

Menurut Seksyen 18, Jawatankuasa Majlis Agama Islam Pusat Thailand bertanggungjawab untuk:

1. Mengumumkan dan testimoni mengenai hal ehwal agama Islam.
2. Menyokong aktiviti keagamaan Islam dan pengajian Islam.
3. Menyelaraskan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan agama Islam.

Seksyen 26 pula memperuntukkan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah bertanggungjawab untuk mengumumkan mengenai hal ehwal agama Islam di wilayah itu. Seksyen 35 pula memperuntukkan Jawatankuasa Masjid berkewajipan mewujudkan prosedur pengurusan masjid untuk membolehkan pengendalian masjid berjalan dengan lancar. Sehingga kini tidak ada perancangan aktiviti yang berorientasikan masa depan oleh Majlis Agama Islam Thailand, seperti perancangan menyasarkan kutipan yang hendak diperolehi pada masa hadapan dan strategi-strategi agresif untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat. Majlis Agama juga tidak menampakkan hala tuju organisasi yang jelas sama ada untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang dalam hal mewujudkan pengurusan zakat yang berpusat di Thailand ini (Mahamatayuding Samah, 2002: 106).

Faktor Masyarakat Islam Di Selatan Thailand

Kawasan Selatan adalah wilayah-wilayah yang memiliki penduduk Muslim majoriti di Thailand. Namun, sistem pengurusan zakat masih belum dapat dilaksanakan dengan baik. Sebaliknya ia masih bersifat sukarela dan tidak ada sebarang peraturan atau undang-undang yang menguatkuasakannya. Akibatnya, terdapat sesetengah masyarakat hanya menunaikan kewajipan zakat fitrah sahaja. Kesedaran untuk membayar zakat harta masih kurang. Antara faktor yang menyebabkan kesedaran atau sikap masyarakat Masyarakat Selatan Thailand yang sebegitu rupa adalah:

Kurang Pengetahuan Tentang Cara Menunaikan Zakat

Rata-rata masyarakat tidak memahami syarat dan cara untuk membayar zakat harta. Mereka juga kurang berpengetahuan tentang jenis-jenis zakat dan jumlah yang perlu dibayar. Justeru terdapat sesetengah masyarakat Islam yang sempit pemikiran enggan membayar zakat dengan alasan membayar zakat akan mengurangkan jumlah harta yang mereka miliki.

Pihak yang mengurus zakat pula kurang berinisiatif untuk menyalurkan pengetahuan kepada masyarakat umum. Pegawai yang diberikan tugas untuk menangani masalah itu sendiri kurang berinteraksi dengan masyarakat. Mereka tidak meluangkan masa untuk mendekati masyarakat kampung yang beragama Islam untuk memberi penerangan.

Masyarakat Kurang Berminat dan Memerlukan Pusat Menguruskan Zakat

Sejak sekian lama, operasi zakat di Selatan Thailand tidaklah begitu memuaskan disebabkan pengurusan zakat dilaksanakan secara tradisional, konservatif dan tidak efektif. Faktor seperti kekurangan kakitangan dan tenaga terlatih yang berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang perakaunan, pengurusan, komputer dan sebagainya turut mempengaruhi keadaan ini.

Masalah selanjutnya adalah dalam pengutipan dan pengagihan zakat di Selatan Thailand belum wujud institusi yang berwibawa dan berkualiti tinggi yang diminati dan dirasakan perlu oleh masyarakat untuk menguruskan zakat. Perkara yang menjadi perbualan dan anggapan di kalangan masyarakat adalah isu ketelusan Majlis Agama Islam dan Institusi Masjid. Umumnya kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap ketelusan institusi tersebut masih lagi rendah. Mereka berminat untuk membayar zakat secara langsung kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat seperti Majlis Agama Islam, Masjid dan lain-lain.

Kesimpulan dan Cadangan

Sejarah telah membuktikan bahawa kutipan dan agihan zakat adalah tanggung jawab kerajaan dalam sebuah negara. Pengurusan zakat yang cekap dapat berfungsi untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan masalah-masalah setempat yang lain. Dalam konteks pengurusan zakat di Selatan Thailand, ia perlu diberi perhatian serius daripada semua pihak, sama ada pemerintah, masyarakat ataupun para pengelola zakat. Setiap pihak perlu mempunyai kesungguhan dalam memainkan peranan yang boleh meningkatkan pelaksanaannya sebagai salah satu daripada rukun Islam.

Situasi di Thailand, terdapat pelbagai institusi Islam yang mengumpul dan mengagihkan zakat. Namun semua institusi tersebut bukanlah merupakan institusi yang rasmi dilantik oleh pemerintah bagi tujuan tersebut. Justeru Majlis Agama Islam Wilayah selaku institusi rasmi dilantik oleh pemerintah untuk menguruskan hal ehwal masyarakat Islam, perlulah diberi peranan untuk menguruskan zakat umat Islam disana. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, Majlis Agama Islam perlu kepada suatu peruntukan akta yang jelas berkaitan pengurusan zakat. Setakat ini hanya wujud Akta Pentadbiran Organisasi Islam di Selatan Thailand, yang umum atau dikenali sebagai *Peraj Banyat Kan Borihan Ongkon Islam*. Keperluan bagi menggubal undang-undang tersebut adalah bagi memastikan kutipan zakat daripada pihak yang pelbagai di Thailand dapat dipantau oleh satu institusi yang berpusat.

Selain itu pihak berkuasa agama Islam Thailand dengan kerjasama Kerajaan Thailand juga perlu menubuhkan pusat-pusat pengurusan zakat. Pusat-pusat zakat yang ditubuhkan ini berperanan mengurus kutipan dan agihan zakat secara profesional. Program-program kutipan dan agihan zakat yang dilakukan sekarang juga perlulah dinilai semula agar bersesuaian dengan hasrat pemberi dan penerima zakat. Justeru pihak berkuasa Agama Islam Pusat Thailand, Majlis Agama Islam Wilayah dan juga institusi masjid khususnya, perlulah membuat kajian dengan lebih mendalam terhadap kepuasan para muzakki dan para asnaf dalam memberi dan menerima zakat. Justeru itu juga bagi mencapai kegemilangan ummah, Majlis Agama Islam Pusat Thailand, Majlis Agama Islam Wilayah dan institusi masjid perlu berusaha melakukan transformasi pengurusan dan perundangan pentadbiran organisasi agama Islam Thailand secara bersepadu agar keberkesanan kewujudan peranan institusi zakat dapat dirasai oleh umat Islam dalam memartabatkan rukun Islam yang ketiga ini.

Rujukan

- Abdul Qahhar Ibrahim, Mohd. Borhanuddin Zakaria, Roslan Ab Rahman & Noorsafuan Che Noh. 2018. Cabaran Pelaksanaan Hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. 1(4): 12-19.
- Abdulroya Benseng. 2017. *The Use of Individual Identity on Genetity on Genetic Regarding to Family and Heritage Law, A Comparative Study between Islamic and Thai Luw, Prince of Songkhla University*.
- Abdulsuko Dina. 2014. *Zakat di Wilayah Sempadan selatan Thailand diantara Teori dan Tatbik*, Prince of Songkhla University.
- Ahmad Omar Chapakia. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*, Kedah: Pustaka Darussalam.
- Arpahandee Hasan, 2006, Pelaksanaan Mudharabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand: Analisis Menurut Perspektif Islam, Kuala Lumpur: Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Arun Boonchom, 2010, *Kandammen Thurakit Thanakhan Tamlak Syariah*, Bangkok: Perbankan Islam Negara Thailand.
- al-Ashqar, Muhammad Sulaiman et al. 2004. *Abhath Fiqhiyyah fi Qadhaya al-Zakat al-Mu'asirah*. Jil. 1. Jordan: Dar al-Nafais.
- Asisah Saesahet. 2009. *Aanalisi Faktor-fator yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Masyarakat Provinsi Pattani Thailand Selatan*, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Baba Ismail Omar (Mudir Pondok Sepanjang Pattani), Temu bual pada 8/4/2018.
- Badan Urusan Khidmat Masyarakat. 2000. *Latar Belakang Majlis Agama Islam Wilayah Naratiwat*. Naratiwat: Pusaka Manara.
- Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd b. Aḥmad al-‘Aynī, t.th., *‘Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 7, Miṣr: Sharikat Maktabah wa Maṭba‘at al-Bābī al-Ḥalabī.
- Banhcong Binkasan, 2004, *But Khuwam Sarfan Panha wa Duwai Lakkan Zakat*, Bangkok: al-Amin.
- Budiman Yeena. 2006. *Rupbeeb kanseksa kutmai Islam khung Muslim nai cangwat chaiden paktai*, Patani: Islamic studies prince of Songkla University.
- al-Bukhārī, 1987. *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr
- Datok Abd. Aziz Hawan. Ahli Dewan Perdamaian Wilayah-wilayah Sempadan Selatan Thailand (Sun Amnoikan Barihan Chngwad Chaiden Pak Tai) Temubual pada 26/9/2018.
- Den Tokmina. 1985. *Kham Banyai Kerabuankan Kodmai Islam*, Bangkok: Ramkamheng University.
- Didin Hafidhudin. 2002. *Zakat dalam Perekonomian Modenrn*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Direktort Jeneral Hal Ehwal Agama Islam, Undang-undang Pentadbiran Organisasi Agama Islam Tahun 1997 (Bangkok: Karom Sasana, 2001)

- Ghazali Binmad. 2012. *Mufti di Negara Thai: Keperluan, Kemungkinan dan Reka Bentuknya, (Mufti of Thailand: it's Necessity, Possibility and Model)*, Patani: Songkla University.
- Hairunnizam Wahid, 2009, Pengagihan Zakat oleh Institusi di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati, *Jurnal Syariah* 17(1): 34-43.
- AI-Hasan Lahbabi Muhammad, Daud Ismail & Roslan Ab Rahman. 2018. Mustaqbal al-Ta'lim al-Dini al-Hurr bi Maliziya fi Zil al-Taqqaddum al-Hadari wa al-Tatawwur al-Tiknoloji fi al-Bilad. *International Journal of Civilization Studies and Human Sceinces*. 1(4): 20-31
- Hooker MB. 1984. Islam and Malay Nationalism: A case Study of The Muslim of Southen Thailand. *Islamic Law in South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Ibn al-'Arabī, t.th., *Aḥkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 2,
- Ibn Kathīr, 1995, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Beirut: Dār Ih'yā' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Qudāmah, 1994, *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Ibrahim Taye. 2012. *Butbat Dansasena Kanseksa leek Kan Borihan Khung Imam Nai Changwat Naratiwat*, Patani: Islamic Studies SongklaUniversity.
- Imron Yamo, 2013, Peranan Sistem Perbankan Islam dalam Pembangunan ekonomi Ummah di Patani Selatan Thailand, Kuala Lumpur: Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Iqbal, 2012, *Peranan dan Kuasa Baitul Mal Aceh, Indonesia Dalam Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Ali. t.th. *Istitusi Masjid: Fungsi Dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat Islam Di Thailand*, Thailand: Songkla University.
- Ismail Hamid, 1985, *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Hari. 1995. *Panduan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Yala*.
- AI-Jawzī, 1994, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 3.
- Kalid Sanik, 2007, *Zakat al-Fitr fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah Tatbiqiyah fi al-Majlis al-Islami bi Muhafazah Naratiwat Janub Thailand*, Yala: Islami University.
- Kanjana Boonchom, 2014, The Impact of Rules and Regulations to the Operation Performance of the Islamic Bank of Thailand, Tesis Sarjana Business Administration Program in ASEAN Business Faculty of Business Administration, Dhurakij: Pandit University.
- Khalifah Muhamad Ali, Zul Karnain Muhamad Ali, Shofian Ahmad & Mat noor Mat Zain. 2017. 'Konsep dan Pihak Bertanggung Jawab dalam Pengurusan Zakat' *Jurnal Islamiyyat*. 39(1) 2017: 3 – 9
- Kokiat Wongsari, *Kan Seksa Tasnakatik Khung Shau Thai Muslim Nay Ampo Muang Changwat Cheangmai Timito Borikan Rabfak Ngen Khung Thanakhan Tam Lakkan*
- M. Abdurrahman, 2006, *Dinamika Masyarakat Islam dalam Wawasan Fiqh*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Mahamatayudin Samah. 2002. *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Tiga Wilayah Selatan Thailand, (Patani, Yala dan Narathiwat)*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- AI-Māwardī. 1980. *Kitāb al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Miss Murni Chebu. 2011. *Majlis Agama Islam Wilayah Yala (MAIY): Kajian Peranannya Terhadap Masyarakat Di Selatan Thailand*. Kuala Lumpur: Uiversiti Malaya.
- Mohamad Uda Kasim, 2005, *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan*, Kuala Lumpur: PRIN-AD SDN. BHD.

- Mohd. Zamberi A. Malek. 1994. *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monssomon Bauwafa, 2018, *Tabung Kewangan Kampung dan Masyarakat (Kan Perakmen Pol Kherongkan Kongthon Muban Laeek Chomchun Mengang)*, Setaban Banded Patna Borikhansat: Chanak Patna Sangkhum Laeek Sing Waeetlum.
- Muhamatsakree Manyunu, 2008, *Analisis Perubahan kurikulum Pendidikan Islam Di Sekolah Agama rakyat Di Selatan Thailand (1961-2003)*, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
- Muhammad Abdur Rahman. 2000. *Tuhfat al-Ahwazi Bi Sharh Jami' Tarmidhi*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Fauzi Yena (Setiausaha Persatuan Penyiaran Islam Thailand) Temubual pada 26/06/2019.
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, t.th., *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karīm*, Mesir: Dār al-Kutub.
- Muhammad Maulana, 2009, Upaya Mewujudkan Pengelolaan Zakat yang Profesional. Kertas Kerja Persidangan Ekonomi Islam, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Muhyudin Yahya. 1998. *Islam di dalam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujaini Tarimin, 2005, *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Unit Penerbitan UiTM (UPENA).
- Narong Siri Pacana. 1975. *Kwam Penma Khong Kod Mai Islam Lae Dato' Yutittam (sejarah pelaksanaan undang Islam dan Dato' Qadi)*, Nakhon Sri Thammaraj: Sri Aksorn.
- Nasrudin Rozak, 1985, *Dienul Islam*, Bandung: al-Ma'rif.
- Al-Nawawī, 1995, *al-Majmū'*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nik Anwar Nik Mahmud. 2000. *Sejarah Perjuangan Melayu Pattani*, Alih ke Bahasa Jawi oleh Farid Mat Zin, UKM.
- Payurasakdik Chelainadechak. 1996. *Muslim Di Negara Thailand*, Bangkok: Kamakan Islam Perakcam krungtep.
- Al-Qaraḍāwī, 1985, *Fiqh al-Zakah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2011. *Hukum Zakat*. Terj. Bogor: Pustaka Litera Antar Nusa.
- Al-Qurtubī, 1993, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ram al-Jaffri Saad, 2009, Peraturan Pembayaran Zakat kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan, *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 17(3): 12-24.
- Al-Rāzī, 2002, *al-Tafsīr al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ridha Muhalaman Shomadi, Siddiq Mhammad Said et.al, 2019, *Whitechannel Ruam Borichak Pea Chuwaingan Sassena Kab Whaite*, Bangkok: Borisat TMD Maltikmidea camkat 185 Thenun Ramkambaheng Kheweng Ratfatna Khetsafansung.
- Rusydi Abd al-Rahman. 2012. *Panduan Mengurus Harta dan Zakat*, Majlis Agama Islam Wilayah Patani.
- Sa-Ah @ Abdulkadir Ahmad. 2010. *Perkembangan Bahasa Arab Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Selatan Thailand*, Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- al-Sāliḥī, 'Alī al-Ḥamd al-Muhammad t.th., *al-Dhaw' al-Munīr 'alā al-Tafsīr*, al-Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Al-Shafi'i. 1994. *Al-Umm*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah
- Al-Shawkānī, 2005, *Fath al-Qadīr*, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', jil. 2.

- Al-Shiddieqie. Tengku Muhammad Hasbi. 1997. *Pedoman Zakat*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn.Bhd
- Shofian Ahmad et.al. 2000. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Somboon Putajuk. 1986. *Kan Cai Kod Mai Islam Nai Cangwad Pattani Naratiwat, Yala Lae Setul*, (Pelaksanaan Undang-Undang Islam dalam Wilayah Pattani, Naratiwat, Yala dan Satun), Bangkok: Culalongkon University.
- Surin Pitsuan. t.th., *Islam di Muang Thai: Nasionalismen Masyarakat Melayu Pattani* (terj) Hasan Basari. Jakarta: LP3ES.
- Al-Ṭabarī, 1995, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Tarmisi Saleek, Suriya Lemek, Salwani Aweyingo, Rusita Yakok. 2013. *Seksa Panha Uppasak Leek Neewthang Kanpattana Kancatkan Rakbob Zakat Naisangkom Ruamsemai Karani Seksa Changwat Naratiwat*, Naratiwat: Islamic Studies Naratiwat University.
- Tuan Salina Kubaha (Timbalan Naib Persiden Pembangunan Produk Islamic Bank of Thailand) Temubual pada 11/4/2019.
- Tuktanyung, Ramli Tuktanyung. 2006. *Pelaksanaan Zakat oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam dan Ahli Jawatankuasa Masjid Di Tiga Wilayah Selatan Thailand*, Patani: Islamic Studies SongklaUniversity.
- Wahairi Mahmud, 2001, *Kesan Penubuhan Pusat ke atas Pentadbiran Zakat di Negeri Pahang*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Woravit Baru (Wakil Rakyat Wilayah Pattani) Temu bual pada 18/9/2018.
- Al-Zuhaylī, 1998, *al-Tafsīr al-Munīr*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Zulfakar Mamat, Azman Abd Rahman & Hamzah Abd al-Karem Hamad. 2018. Penentuan Had Kifayah dan elemen Kperluannya dalam Pembahagian Zakat Semasa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol 7 June 2018. 105 127